

08/02/1998

Amanah saham wanita babitkan dana permulaan RM1 bilion

KUALA LUMPUR: Amanah saham wanita yang akan dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini dijangka membabitkan dana permulaan sebanyak RM500 juta hingga RM1 bilion.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Kabinet pada dasarnya bersetuju dengan penubuhan amanah saham itu yang dikenali Pelaburan Ehsan Wanita yang disaran Pergerakan Wanita Umno dan Barisan Nasional (BN).

"Ia adalah satu cadangan baik kerana memberi ruang kepada wanita untuk memberi sumbangan kepada proses pemulihan ekonomi negara, selain berpeluang menabung dan menyertai pasaran saham," katanya dalam sidang akhbar di pejabatnya di Jabatan Perdana Menteri, semalam.

Sehubungan itu, beliau yang juga Menteri Kewangan, berkata Kabinet mencadangkan Permodalan Nasional Bhd (PNB) menguruskan dana itu kerana PNB mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam bidang berkenaan.

Beliau bagaimanapun berkata, butir terperinci termasuk jumlah sebenar dana amanah saham wanita itu belum ditetapkan manakala Suruhanjaya Sekuriti (SC) masih lagi mengkaji dengan terperinci kaedah pelaksanaan dan mekanisme bagi memudahkan pengurusannya.

"Dananya mungkin RM1 bilion (atau) ... RM500 juta," katanya.

Metrowangsa Asset Management Sdn Bhd dan Hijrah Managers Bhd sebelum ini berminat untuk menguruskan saham amanah terbabit.

Sebanyak 30 kaunter akan dibuka di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini pada majlis pelancarannya hari ini, untuk membolehkan orang ramai, terutama wanita, melabur dalam dana itu.

Kaunter itu akan dibuka mulai 10 pagi sebelum Dr Mahathir melancarkan dana berkenaan di tempat yang sama jam 3 petang ini.

Anwar berkata, Wanita BN akan menganjurkan kempen dan seminar di seluruh negara bagi menyedarkan orang ramai mengenai fungsi serta kepentingan dana itu.

Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, sebelum ini berkata dana itu tidak tertumpu kepada wanita saja, malah turut membabitkan lelaki berusia 18 tahun ke atas.

Katanya, simpanan minimum individu dalam dana itu adalah RM100, manakala tiada had bagi simpanan maksimum.

Zaharah berkata, wang kutipan itu akan disalurkan ke dalam syarikat dana profesional sebaik diluluskan SC.

(END)